

**LEMBAGA PEPERIKSAAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (ULANGAN)

SPMU 2020

1249/1

Kertas 1

Ogos 2020

1 jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, **A**, **B**, **C** dan **D**. Bagi setiap soalan pilih **satu** jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak

- 1 Dialog berikut berkaitan dengan konsep tamadun. **T4 B1 ms 5**

Sejarawan Barat :	Tapak ini maju dengan pembangunan lahiriah. Bolehlah diisyiharkan sebagai kawasan bertamadun.
Sejarawan Islam:	Kita juga perlu mengkaji pembangunan rohaniah masyarakatnya.

Apakah ciri pembangunan rohaniah?

- A Ketinggian tatasusila
- B Keupayaan pemikiran
- C Kehebatan kemahiran
- D Kepelbagai kepercayaan

- 2 Maklumat berikut berkaitan dengan anggapan terhadap raja dalam tamadun awal manusia. **T4 B1 ms 7**

Tamadun Awal	Angapan Terhadap Raja
Sumeria	Tuhan atau wakil tuhan
Mesir	Jelmaan Tuhan dan anak Tuhan Matahari
Hwang Ho	Pemerintah mendapat mandat daripada tuhan

Apakah rumusan yang dapat dibuat berdasarkan maklumat tersebut?

- I Raja berkuasa menentukan bencana alam
- II Raja memiliki kuasa mutlak dalam pemerintahan
- III Rakyat menganggap raja memiliki kuasa luar biasa
- IV Golongan bangsawan berperanan mengawal hak rakyat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


- 3 Maklumat berikut merujuk perluasan kuasa yang berlaku dalam tamadun India.
T4 B2 ms 49

Tokoh	Cara Perluasan Kuasa
Chandra Gupta Maurya	Penaklukan
Asoka	X

Apakah X?

- A Pembayaran ufti
- B Perjanjian damai
- C Penyebaran agama
- D Kegiatan perdagangan

- 4 Peta 1 menunjukkan perluasan kuasa Yunani semasa pemerintahan Alexander The Great. **T4 B2 ms 48**



Peta 1

Apakah kesan perluasan kuasa tersebut?

- A Pemberontakan tentera
- B Penyebaran kebudayaan
- C Pelaksanaan dasar terbuka
- D Pengukuhan pertahanan laut

- 5 Apakah peranan raja terhadap pembangunan ekonomi kerajaan agraria?
T4 B3 ms 76

- A Menguruskan tenaga kerja
- B Membina sistem pengairan
- C Mengawal sistem kewangan
- D Mentadbir bandar pelabuhan

- 6 Maklumat berikut merujuk kepada candi yang terdapat di Asia Tenggara.
T4 B3 ms 88

Candi	Lokasi
Angkor Wat	Kemboja
Borobudur	Indonesia

Apakah kepentingan candi tersebut terhadap kerajaan awal?

- A Kota pertahanan
- B Simbol kebudayaan
- C Sempadan pengaruh
- D Lambang keagungan

- 7 Masyarakat Arab pada Zaman Jahiliah sering bergaduh sesama sendiri. Mengapakah pergaduhan tersebut berlaku? **T4 B4 ms 102**

- A Pertikaian hak menguasai telaga Zamzam
- B Perebutan hak untuk mengawal Kaabah
- C Pertelagahan kuasa mengutip cukai
- D Pengamalan semangat kesukuan

- 8 Bagaimanakah Nabi Muhammad SAW memperkuuh Islam di Madinah selepas Perjanjian Aqabah Pertama? **T4 B5 ms 118**

- A Menghantar pendakwah
- B Menggalakkan penghijrahan
- C Melantik wali sebagai pentadbir
- D Menguatkuasakan undang-undang

9 Apakah keistimewaan Piagam Madinah? **T4 B5 ms 124-125**

- I Berpandukan wahyu
- II Mengutamakan bangsawan
- III Mengekalkan sistem Kabilah
- IV Menyatukan pelbagai bangsa

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

10 Apakah peristiwa yang membawa kepada pembukaan semula Kota Makkah?

T4 B5 ms 134

- A Penyeksaan terhadap golongan hamba
- B Pencabulan syarat Perjanjian Hudaibiyah
- C Pemulauan terhadap keluarga Bani Hasyim
- D Pertelingkahan antara suku Aus dan Khazraj

11 Antara berikut yang manakah berkaitan dengan tugas khalifah? **T4 B6 ms 144**

- A Menguruskan pentadbiran negara
- B Memperkuuh tradisi tempatan
- C Memperluas wilayah pengaruh
- D Mempertahan sistem khabilah

12 Ibn al-Nafis (1210-1288) adalah seorang doktor Arab yang banyak menyumbang kepada kemajuan ilmu perubatan dan sains pada abad ke-13. Beliau juga terlibat dalam perundangan, politik dan kajian anatomi. **T4 B6 ms 152**

(Sumber: <http://www.ncbi.nlm.nih.gov/pubmed/18481505>)

Apakah sumbangan beliau?

- A Menubuhkan hospital pesakit kusta
- B Membetulkan teori peredaran darah
- C Membuka pusat pengajian akademik
- D Menulis ensiklopedia undang-undang

- 13 Pendidikan pondok merupakan sistem pendidikan formal paling teratur pada awal abad ke-19 di Tanah Melayu. **T4 B8 ms 202**

Apakah peluang pekerjaan yang ada untuk lulusan pondok pada ketika itu?

- A Pembesar wilayah
- B Pembesar istana
- C Mufti kerajaan
- D Guru agama

- 14 Motif seni ukiran masyarakat di Asia Tenggara berubah selepas kedatangan Islam. Apakah motif seni ukiran yang digunakan selepas kedatangan Islam? **T4 B8 ms 206**


- A Flora
- B Fauna
- C Manusia
- D Cakerawala

- 15 Pendidikan formal masyarakat Melayu berubah selepas kedatangan Islam. Pasangan pernyataan yang manakah menerangkan perubahan tersebut?

T4 B8 ms 201

	Sebelum Islam	Selepas Islam
A	Melibatkan golongan bangsawan	Melibatkan semua lapisan masyarakat
B	Melibatkan kanak-kanak dan orang dewasa	Melibatkan orang dewasa sahaja
C	Bahasa Sanskrit menjadi bahasa pengantar	Bahasa Arab menjadi bahasa pengantar
D	Menggunakan khidmat guru dari luar	Menggunakan khidmat guru tempatan

16 Rajah 1 menunjukkan undang-undang kerajaan Melayu. **T4 B8 ms 200**




Rajah 1

Mengapakah undang-undang tersebut digubal?

- A Menyekat monopoli pedagang asing
- B Mengekalkan kuasa di tangan rakyat
- C Meningkatkan kecekapan pentadbiran
- D Menjamin keseragaman sistem kewangan


17 Bandar berikut muncul di Itali pada Zaman Renaissance. **T4 B9 ms 217**



Apakah kepentingan bandar tersebut?

- A Kawasan perindustrian
- B Tempat keagamaan
- C Pusat perdagangan
- D Kubu pertahanan

18 Akta berikut digubal pada abad ke-19 di Britain. **T4 B9 ms 236**



Mengapakah akta tersebut digubal?

- A Masa bekerja terhad
- B Harga barang meningkat
- C Kebajikan pekerja terabai
- D Produktiviti industri bertambah

- 19 Maklumat berikut berkaitan dengan mata wang yang digunakan oleh tiga buah negeri di Tanah Melayu sebelum kedatangan penjajah. **T4 B10 ms 255**

Negeri	Mata wang
Kelantan	Dinar emas
Terengganu	Kupang emas
Pahang	Jongkong tampang

Apakah kesan penggunaan mata wang tersebut?

- A Peningkatan kadar upah
 B Kelancaran kutipan cukai
 C Kelicinan urusan perdagangan
 D Perkembangan kegiatan perlombongan
- 20 Maklumat berikut berkaitan dengan syarikat Eropah yang melabur di Tanah Melayu pada awal abad ke-20. **T4 B10 ms**

- Sime Darby
- Guthrie
- Harissons and Crossfield

Syarikat tersebut melabur dalam perusahaan


- A komunikasi
 B perladangan
 C pengangkutan
 D perlombongan
- 21 Maklumat berikut berkaitan dengan dasar ekonomi penjajah di Asia Tenggara.
T5 B1 ms 15

Negara	Dasar Ekonomi
Filipina	Sistem Polo
Indonesia	Sistem Tanaman Paksa

Bagaimakah dasar tersebut menguntungkan penjajah?

- A Tanah pertanian bertambah
 B Pelabur asing meningkat
 C Kos pengeluaran rendah
 D Harga komoditi stabil

- 22 Rajah berikut berkaitan dengan faktor pemangkin semangat nasionalisme di Asia Tenggara. **T5 B2 ms 45**



Apakah X?

- A Ekonomi seimbang
- B Kemajuan hidup
- C Dasar penjajah
- D Peranan raja


- 23 Apakah permintaan tokoh berikut terhadap Jepun pada tahun 1945? **T5 B2 ms 59**



Ibrahim Haji Yaakob

- A Kemerdekaan Tanah Melayu bersama Indonesia
- B Menamatkan dasar konfrontasi oleh negara jiran
- C Mengharamkan pergerakan Parti Komunis Malaya
- D Menubuhkan sebuah parti yang bersifat kebangsaan

- 24 Rajah berikut berkaitan dengan peristiwa penentangan Dato' Bahaman terhadap British. **T5 B2 ms 40**



Apakah X?

- A Menentang sistem kerahan tenaga
 B Membantah pembinaan balai polis
 C Membantah penurunan takhta raja
 D Menentang kehadiran kaum imigran
- 25 Maklumat berikut berkaitan kaedah pembinaan negara dan bangsa Malaysia.
T5 B3 ms 71

Tanpa melibatkan pertumpahan darah

Mengapa kaedah tersebut diberikan keutamaan?

- A Mencintai keamanan
 B Memupuk semangat kejiranan
 C Memelihara hasil kekayaan negara
 D Mempertahankan warisan negara
- 26 Berikut adalah peristiwa yang berlaku di Barat pada abad ke-18. **T5 B3 ms 67**

- Perang Kemerdekaan Amerika 1776
- Revolusi Perancis 1789

Apakah kesan peristiwa tersebut?

- A Penyatuan wilayah kecil membentuk empayar
 B Pengukuhan sistem feudal dalam pemerintahan
 C Pembinaan negara berdasarkan sempadan rumpun bangsa
 D Penamatan perang keagamaan kerana perbezaan mazhab

- 27 Piagam Atlantik 1945 yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tidak menggalakkan penjajahan bentuk baru. **T5 B4 ms 104**

Apakah tindakan British di Tanah Melayu yang bersesuaian dengan piagam tersebut?

- A Menamatkan Malayan Union
- B Memperkuat sistem pertahanan
- C Mengawal kedatangan kaum imigran
- D Mengurangkan kuasa Raja-Raja Melayu

- 28 Senarai berikut adalah tokoh yang menganggotai sebuah organisasi di Tanah Melayu. **T5 B5 ms 118**

- Dato' Onn Jaafar
- Dato' Lee Tiang Keng
- Dato' E.E.C Thuraisingam

Apakah organisasi tersebut?

- A Sistem Ahli
- B Suruhanjaya Reid
- C Suruhanjaya Cobbold
- D Jawatankuasa Antara Kerajaan

- 29 Vyner Brooke telah menyerahkan Sarawak kepada British pada tahun 1946. Mengapa beliau bertindak demikian? **T5 B4 ms 110**

- A Desakan imigran
- B Pemberontakan rakyat
- C Pengganti tidak berkelayakan
- D Desakan masyarakat antarabangsa

- 30 Apakah kandungan Perlembagaan Kemerdekaan 1957? **T5 B5 ms 127**

- A Pembubaran Majlis Mesyuarat Negeri
- B Hal ehwal imigresen dikawal British
- C Kawalan keselamatan hak negeri
- D Tanah rezab Melayu dikekalkan

- 31 Garis masa berikut menunjukkan perubahan yang berlaku di Tanah Melayu pada abad ke-20. **T5 B5 ms 119-121**

1953		Penubuhan Persidangan Kebangsaan
1951		Pembukaan keahlian UMNO kepada bukan Melayu
1949		Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum

Mengapakah perubahan tersebut dilakukan?

- A Memenangi pilihan raya
- B Melicinkan sistem pentadbiran
- C Memperoleh kesetiaan imigran
- D Membentuk perpaduan penduduk

- 32 Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan di Singapura. **T5 B6 ms 139**

Tarikh	Peristiwa
April 1961	Parti Barisan Sosialis telah memenangi pilihan raya Hong Lim di Singapura

Bagaimakah pemimpin Singapura mengatasi pengaruh parti tersebut?

- A Menganggotai pertubuhan serantau
- B Menguatkuasakan undang-undang
- C Menyertai gagasan Malaysia
- D Membentuk Parti Perikatan

- 33 Mengapakah kerajaan Malaysia mengambil tindakan berikut pada tahun 1963?

T5 B6 ms 146-147

- Membuat bantahan kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
- Mendapatkan sokongan negara Komanwel

- A Menghapuskan ancaman komunis
- B Mengurangkan kemasukan imigran
- C Menghadapi pencerobohan Indonesia
- D Menghalang pembentukan Persekutuan Borneo

34 Bagaimanakah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dapat melaksanakan pilihan raya yang bebas dan adil? **T5 B7 ms 177**

- A Tidak memihak kepada mana-mana parti politik
- B Membenarkan calon mengemukakan sebarang isu
- C Melantik pegawai pengurusan pilihan raya luar negara
- D Tidak membenarkan wakil parti politik memantau pilihan raya

35 Perlembagaan Malaysia merupakan peraturan tertinggi negara kita.
Apakah kepentingan perlembagaan tersebut terhadap warganegara Malaysia?
T5 B7 ms 163-164

- I Menjamin keselamatan rakyat
- II Melicinkan pentadbiran kerajaan
- III Mengawal pertambahan penduduk
- IV Memberi kebebasan memilih kerakyatan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

36 Dialog berikut mungkin berlaku ketika penyerahan borang penamaan calon bagi pilihan raya kecil. **T5 B7 ms 179**

Pegawai Pilihan Raya	:	Maaf, saya terpaksa menolak borang permohonan encik.
Calon	:	Kenapa pula?

Mengapa borang penamaan calon tersebut ditolak?

- A Menjadi ahli parti pembangkang
- B Belum mendaftar sebagai pemilih
- C Menjalankan kegiatan perniagaan
- D Tersenarai dalam individu muflis

37 Dasar Kependudukan telah diumumkan oleh kerajaan pada 29 Mac 1984. Mengapakah dasar tersebut dijangka dapat membantu meningkatkan kemajuan ekonomi Malaysia? **T5 B8 ms 209**

- I Pelabur luar terhad
 - II Buruh asing merosot
 - III Tenaga kerja bertambah
 - IV Pasaran tempatan meluas
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

38 Agensi berikut ditubuhkan untuk meningkatkan pencapaian ekonomi masyarakat luar bandar. **T5 B8 ms 202-203**

- Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)
 - Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)
 - Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA)

Bagaimakah agensi tersebut berperanan?

- I Membuka kawasan petempatan baharu
 - II Memperluas tanaman komersial
 - III Menubuhkan institusi kewangan
 - IV Membangunkan industri berat
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 39 Persatuan Asia Tenggara (ASA) yang ditubuhkan pada tahun 1961 disertai oleh Tanah Melayu, Thailand dan Filipina. **T5 B9 ms 253-254**

Mengapakah pertubuhan tersebut ditubuhkan?

- A Menyekat kemaraan kuasa besar
- B Mengadakan pakatan dengan Barat
- C Meningkatkan keselamatan serantau
- D Menyeragamkan sistem perundangan

- 40 Mengapakah Jepun menyerang Pearl Harbour pada tahun 1941? **T5 B9 ms 233**

- A Memperjuang hak penduduk asal
- B Menghalang kemaraan kuasa Barat
- C Mengekalkan kemerdekaan tanah air
- D Menyekat kebangkitan anti penjajah

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

SKEMA JAWAPAN SPMU 2020 1249/1

NO	JAWAPAN	MUKA SURAT
1	A	5
2	C	7
3	C	49
4	B	48
5	B	76
6	D	88
7	D	102
8	A	118
9	B	124-125
10	B	134
11	A	144
12	B	152
13	D	202
14	A	206
15	A	201
16	C	200
17	C	217
18	C	236
19	C	255
20	B	248
21	C	15
22	C	45
23	A	59
24	B	40
25	A	71
26	C	67
27	A	104
28	A	118
29	C	110
30	D	127
31	D	119-121
32	C	139
33	C	146-147
34	A	177
35	A	163-164
36	D	179
37	D	209
38	A	202-203
39	C	253-254
40	B	233

A = 12 B = 8 C = 13 D = 7